



"HIJRAH UMMAH KEMERDEKAAN BARAKAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاغِزُونَ ¹ </p>	2
<p>أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah sama-sama kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua akan tergolong dalam kelompok hamba-hamba Allah yang akan berjaya di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian, Pada minggu ini, kita akan menyambut dua peristiwa besar iaitu Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia kali ke-62 dan Sambutan Awal Muharram (Maal Hijrah) 1441 Hijrah. Untuk itu, tajuk khutbah pada hari ini berkisar kepada "HIJRAH UMMAH KEMERDEKAAN BARAKAH".</p>	6
<p>Hadirin yang dihormati sekalian,</p>	
<p>Bericara soal kemerdekaan dan awal tahun baru Hijrah, persoalan yang timbul ialah apakah sebenarnya yang ingin kita hijrahkan dalam hidup ini? Dan apakah sebenarnya yang ingin kita merdekakan dalam negara yang sudah merdeka? Khatib berpendapat bahawa sesiapa yang ingin mendasari hijrah dan menghayati kemerdekaan, adalah dengan menegakkan akidah yang benar dan perlu dihayati dalam semua aspek kehidupan. Ini kerana hijrah dan kemerdekaan memerlukan gabungan pengorbanan,</p>	7

¹ al-Taubah : 20.



<p>keazaman dan tindakan yang berterusan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 20:</p> <p style="text-align: center;">الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَهْدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ</p>	8
<p><i>"(Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan Masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya."</i></p>	9
<p>Muslimin yang dihormati sekalian,</p> <p>Apalah ertinya sebuah kemerdekaan bagi kita, jika kita masih belum mampu untuk menghijrahkan diri, dari mengorbankan perasaan ego masing-masing, perasaan hasad dengki, dendam kesumat yang bersarang dalam jiwa kita, sehingga kita sanggup menimbulkan semula bibit-bibit perpecahan dari perpaduan yang telah tersimpul. Ingatlah, hanya perpaduan yang didasari Islam merupakan tongkat keramat untuk merubah landskap kemerdekaan barakah di tanah air tercinta ini.</p>	10
<p>Apalah ertinya sebuah kemerdekaan bagi kita, jika kita masih belum mampu untuk berhijrah. Kita berbangga dengan keunggulan sejarah Islam tetapi kita hanya menjadikannya sebagai koleksi di galeri sejarah. Namun hakikatnya kehidupan kita terus suram dari sudut penghayatan ajaran agama yang sebenar.</p>	11
<p>Sudah banyak nilai keperibadian Islam terhakis kerana dilanda 'badai globalisasi' yang mengakibatkan minda dan jiwa generasi kita dihanyutkan khayalan kononnya gaya hidup Islamik sudah tidak relevan dengan peredaran semasa. Bahkan sebahagian kita turut menyumbang dengan memomokkan Islam dengan penghinaan yang amat dahsyat. Akhirnya lahirlah generasi yang terpengaruh dan kecundang dengan ideologi dan fahaman-fahaman yang merosakkan Islam seperti plural, liberal, sekular, atheis dan lain-lain.</p>	12



<p>Hanya dengan berhijrah kepada nilai-nilai Islam, kita akan memperoleh keberkatan dan pertolongan Allah untuk agama, bangsa dan negara.</p> <p>Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 96:</p> <p style="text-align: center;">وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرْبَىٰ ءَامْنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلِكُنَّ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ</p>	13
<p><i>"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."</i></p>	14
<p>Hadirin Jumaat yang dimuliakan Allah,</p> <p>Hari ini kita hidup dalam dunia yang sering menimbulkan pelbagai konflik baharu yang mengancam kedaulatan agama Islam dan keselamatan negara. Ancaman ini jika tidak ditangani dengan baik oleh semua lapisan masyarakat, akan melenyapkan kemerdekaan yang sedang kita nikmati hari ini.</p>	15
<p>Apa yang membimbangkan kita, terdapat kelompok tertentu yang berusaha menyebarkan ideologi sesatnya untuk membangkitkan perasaan benci dan permusuhan dalam kalangan umat Islam. Walaupun ada yang telah difatwakan haram di Negeri Selangor, namun masih bergerak dan terus menyebarkan ideologi songsangnya bahkan mendapat sokongan dan dokongan daripada sebilangan masyarakat.</p>	16
<p>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</p>	
<p>Menyedari hakikat ini, langkah penting seperti pengukuhan ilmu sebenar dan pemahaman Islam yang tepat perlu diterapkan kepada masyarakat kita melalui penjelasan yang berterusan terhadap fahaman-fahaman yang bertentangan dengan prinsip Islam yang sebenar.</p>	17
<p>Syeikh Dr. Yusof Al-Qaradhawi menyatakan, "Pendidikan merangkumi keseluruhan hidup termasuklah akal, hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku, ia bertujuan untuk membentuk manusia bagi menghadapi masyarakat yang sering berhadapan dengan kebaikan, kejahanan, kemanisan dan kepahitan".</p>	18



<p>Kita yakin, umat Islam yang berilmu serta terbangun rohaninya tidak mudah terpengaruh dengan anasir jahat. Mimbar bimbang, saban tahun kita menyambut tahun baru Hijrah dengan pelbagai tema dislogangkan, namun umat Islam masih lemah ilmu dan jati dirinya yang mengakibatkan kepincangan dalam pelbagai perkara seperti krisis akidah, kebejatan akhlak, keruntuhan institusi keluarga dan kehancuran masyarakat.</p> <p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p>	19
<p>Dalam kita menunggu detik untuk menyambut tarikh keramat kemerdekaan negara ke-62 dan Sambutan Maal Hijrah 1441H, janganlah kita menyokong dan bersekongkol dengan kumpulan yang mendokong Asabiyah dan perkauman sempit.</p>	20
<p>Bukanlah niat kita, ketika kita berulang kali dan tidak jemu-jemu mengangkat dan memperingat isu umat Islam bukanlah bermakna kita merendahkan agama-agama lain apatah lagi untuk menzalimi mereka, tetapi ingin kita mengingatkan bahawa kita adalah umat yang akan dipersoalkan kerana kita adalah <i>Ummah al ijayah</i> (umat yang menerima Islam) dan <i>umat al dakwah</i> (umat yang diamanahkan untuk menyebarkan Islam) di tanah air ini dan <i>umat al khilafah</i> (umat yang menjadi pemimpin). Terjulang Islam atau terbenamnya Islam di negara ini terletak di tangan umat Islam itu sendiri.</p>	21
<p>Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104:</p> <p>وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ</p>	22
<p><i>"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."</i></p>	23



Mengakhiri khutbah pada kali ini, mimbar menyeru marilah kita sama-sama bertindak secara proaktif bagi memastikan masa depan ummah lebih cemerlang dengan mengambil usaha-usaha seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mempertahankan kemerdekaan dan melakukan hijrah adalah suatu tuntutan.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa perpaduan adalah asas kepada kesatuan ummah.
3. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa hijrah dan kemerdekaan memerlukan pengorbanan dan jihad yang berterusan.

24

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهَدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

25

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.”

(al-Ankabut :69).

26

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقَتْهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

27

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

28



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَعَاهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الْأَذْيَاءُ إِمَّا آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَتُتَحَفَظُ بِعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمُ سُلْطَانُ سَلَاغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَى وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُوْ أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



فِي أَمْنٍ وَصَالَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطْلُنْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبَلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。	9
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	10
Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.	11
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	12
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ	13
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ	14
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَنِذْكُرُ اللَّهَ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15